

10 AUG 2003

Abdullah-Aman/I

M'SIA TERUS MAIN PERANAN PUPUK KEAMANAN: ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Malaysia akan terus memainkan peranan penting dalam usaha memupuk keamanan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata Malaysia akan terus menyuarakan tentang perkara-perkara prinsip, mempertahankan undang-undang serta institusi yang mengendalikan negara-negara di mana Malaysia akan menawarkan bantuan untuk membina keyakinan, pertahanan dan dalam mencari penyelesaian sesuatu konflik.

"Bagi memastikan kerajaan Malaysia mampu memainkan peranan itu dengan jayanya di arena antarabangsa, sokongan berterusan daripada badan-badan bukan kerajaan seperti Yayasan Keamanan Dunia Malaysia adalah penting," katanya semasa menutup Seminar Keamanan Dunia Kuala Lumpur di sini hari ini.

"Kita juga perlu mengiktirafkan kuasa rakyat sebagai penghalang berkesan terhadap konflik," katanya.

Sebagai contohnya, semasa Amerika Syarikat mencerooh Iraq, kuasa rakyat mungkin telah gagal menghalangnya tetapi kini ia "menekan kebertanggungjawapan beberapa kerajaan yang menyokong pencerobohan itu," katanya.

Menurut Abdullah, Malaysia mempunyai perkhidmatan diplomatik yang dihormati dan mempunyai pengalaman luas dalam penyelesaian konflik.

Beliau berkata Malaysia membawa perspektif unik kepada diplomasi antarabangsa berasaskan pengalaman rakyatnya yang berasal daripada tamadun besar Asia yang berbeza tetapi hidup penuh harmoni.

"Pengalaman itu membolehkan kita memahami konflik antarabangsa daripada perspektif yang lebih luas jalinannya," katanya.

Katanya, Malaysia di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dihormati oleh negara-negara lain terutama dari dunia Islam dan negara Selatan.

Keadaan itu meletakkan Malaysia dalam kedudukan penting untuk memupuk keamanan di kalangan negara dan tamadun.

Beliau berkata sejarah wajar merekodkan keberanian yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir dan rakyat Malaysia mempertahankan prinsip dan keadilan dalam peperangan di Iraq.

Abdullah berkata persidangan dua hari itu diadakan bagi membincang isu persefahaman antara agama yang memerlukan pencarian landasan persamaan dan mempertahankannya terhadap mereka yang menggunakan agama bagi mencetuskan konflik.

Persidangan itu membincangkan program-program untuk mengatasi rintangan yang menghindari proses keamanan seperti konflik persaudaraan dan kaum, perlumbaan senjata, percambahan senjata pemusnah besar-besaran, ketidakadilan ekonomi, tiada toleransi beragama dan proses globalisasi yang menekan.

Yayasan itu turut memberi Anugerah Pencapaian Seumur Hidup kepada presiden Czech, Vaclav Havel.

Pengerusi Bernama Datuk Kalimullah Hassan berkata anugerah itu sebagai penghargaan kepada sumbangan Havel terhadap proses keamanan dunia.

Anugerah itu diterima oleh Duta Besar Czech ke Malaysia Dr Vitezlav Grepl bagi pihak presidennya.

-- BERNAMA

SSA AZZ AO MOZ